

**MAIPS & persatuan Islam China kongsi pengalaman  
Malaysiakini.com  
September 25, 2010**

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dan Persatuan Islam China akan memanfaatkan perkongsian pengalaman terutama dalam usaha membangunkan masyarakat Islam.

Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail bertitah masyarakat Islam di Cina mempunyai pengalaman tersendiri dalam menjalani kehidupan mereka begitu juga dengan umat Islam di Perlis.

Baginda yang juga Yang Dipertua MAIPs mengadakan pertemuan selama sejam dengan kepimpinan Persatuan Islam China yang diketuai Pengerusinya Cheng Guan Yuan, di Beijing malam tadi yakin jalinan hubungan antara MAIPs dan persatuan itu akan memberi manfaat kepada kedua pihak.

Raja Muda Perlis yang mengetuai delegasi MAIPs dalam rangka lawatan kerja selama seminggu ke China sejak 20 September lalu tiba di sini dari Xian semalam.

Turut menyertai lawatan itu ialah Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Dr Md Isa Sabu, Setiausaha Kerajaan Perlis, Datuk Azizan Hamid, Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam Perlis, Jafperi Othman, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis, Abdul Malik Hussin dan Mufti Perlis, Dr Juanda Jaya.

Terdahulu, baginda dan delegasi menunaikan solat Jumaat di Masjid Niu-Jie serta melawat muzium masjid itu. Pada sebelah petang meninjau pasar mini Islam dan melawat masjid Dong Si yang merupakan antara masjid terkemuka di Beijing.

Sebelum itu, baginda bertemu dengan masyarakat Islam di Shanghai dan Xian termasuk melawat beberapa masjid terkemuka bagi bertukar-tukar fikiran dengan para pegawai masjid.

Khamis lalu, baginda dan delegasi melawat Masjid Besar Xian yang diasaskan lebih 600 tahun lalu dan bertemu imam besarnya, Ma Liang Ji.

Ma yang juga dikenali sebagai Mohd Yunus Ma gembira dengan kehadiran Raja Muda Perlis kerana selama ini beliau memang mengenali ayahanda baginda, Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail semasa baginda menjadi Yang di-Pertuan Agong.

Ma yang berusia 80 tahun berkata, masjid itu menerima kehadiran lebih 1,000 jemaah pada setiap kali solat Jumaat manakala sepanjang Ramadan pada setiap tahun, masjid itu juga menerima kehadiran ribuan jemaah untuk solat sunat Tarawih setiap malam.

Sebelum itu semasa di Shanghai, baginda dan delegasi melawat masjid Xiao Tao Yuan dan Masjid Fu You bagi meninjau kegiatan masyarakat Islam di masjid-masjid.

--Bernama